

## KERANGKA KAJIAN AJARAN SESAT MENURUT AHLI SUNAH WALJAMAAH

*Framework for the Study of Heresy According to Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*

Wan Haslan Khairuddin\*

### ABSTRACT

*This article discusses the framework for the study of heresy according to Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. The main issues discussed in this article are: [i] the definition, history and issues of heresy; [ii] the thoughts of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah; and [iii] the study of heresy according to Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah scholars. The writing of this article is based on a qualitative study with the application of content analysis methods into Islamic texts and the works of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah scholars in the field of Usuluddin. The primary sources that form the basis of this writing are the works of Usul al-Dīn or ‘Ilm al-Kalām that related to the study of al-Firaq al-Islāmiyyah (Ideologies of Islamic Thought). In conclusion, ‘Ilm al-Kalām with the framework thought of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah is a mechanism in preserving the purity of Islam from any deviation, misguidance and disbelief. Expertise in the study of heresy, religions and ideologies requires individuals to have exposure to particularly in ‘Ilm al-Kalām and the fields of Usul al-Dīn Studies in general. Neglect of relevant areas can lead to confusion in the formulation of a study, discussion, and debate.*

---

\* Senior Lecturer, Research Centre for Theology and Philosophy, Faculty of Islamic Studies, National University of Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. [wanhaslan@ukm.edu.my](mailto:wanhaslan@ukm.edu.my)

**Keywords:** *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, al-Ashā‘irah, ‘Ilm al-Kalām, Heretics, Heresy*

## PENDAHULUAN

Isu ajaran dan amalan sesat bukan satu perkara baharu bahkan sejarahnya sejajar dengan kewujudan umat manusia sejak pengutusan Nabi Adam AS.<sup>1</sup> Iblis berikrar mengelokkan segala jenis maksiat ke atas Adam serta zuriatnya selain menghalangi mereka daripada menjalani jalan yang lurus<sup>2</sup>. Jenis-jenis penyelewengan, kesesatan dan kekufur'an berterusan berlaku dengan dorongan Iblis.<sup>3</sup> Hukum alam atau *sunatullah* memperlihatkan pertembungan antara hak dengan batil atau kebenaran dengan kesesatan berterusan berlaku sepanjang zaman. Seruan dakwah Islam dengan pengutusan para nabi serta rasul yang bergantian hakikatnya bertujuan mengembalikan manusia daripada kesesatan kepada kebenaran dan daripada mensyirikkan Allah SWT kepada mentauhidkan-Nya.<sup>4</sup> Fenomena fahaman dan ajaran sesat wujud sejak berzaman dengan pelbagai dakwaan seperti mendakwa dirinya tuhan,<sup>5</sup> atau wakil tuhan kepada segala agama, nabi, pengganti nabi yang memiliki kuasa merubah hukum hakam dan sebagainya.<sup>6</sup> Ajaran sesat dahulunya bergerak tanpa disedari menyebabkannya sukar dikesan dan dibanteras. Dunia globalisasi tanpa sempadan serta teknologi masa kini menyebabkannya lebih mudah disebarluaskan dan sukar dibanteras pihak berkuasa agama. Ajaran sesat adalah barah yang mengakibatkan rosaknya aspek kepercayaan (Iman), pengamalan (Islam) dan kerohanian (Ihsan) seorang Muslim.

Di Malaysia, ilmu kajian ajaran sesat dipopularkan sebagai sebuah kursus khas mulai tahun 1980-an oleh Abdulfatah Haron Ibrahim. Hakikatnya, isu-isu berkaitan kajian sesat sudah dibicarakan ilmuwan Ahli Sunah Wal Jamaah (ASWJ) khususnya ulama Ilmu Tauhid atau ahli kalam. Signifikannya merujuk pentingnya seorang Muslim

<sup>1</sup> Lihat: *Al-A’rāf* 7: 27; *Taha* 20: 117.

<sup>2</sup> Lihat: *Al-A’rāf* 7: 16, *al-Hijr* 16: 39.

<sup>3</sup> Lihat: *Al-Nisā’* 4: 119; *al-A’rāf* 7: 14; *al-Hijr* 16: 36; *Sad* 38: 79.

<sup>4</sup> *Al-Nahl* 16: 36.

<sup>5</sup> *Al-Nāzi’at* 79: 24.

<sup>6</sup> *Al-Tawbah* 9: 31.

memahami sebaiknya isu-isu perbahasan Ilmu Tauhid. Justeru al-Quran bukan sahaja mengambil berat menjelaskan persoalan Tauhid sebagaimana surah *al-Ikhlas* 112 tetapi menjelaskan sama persoalan syirik sebagaimana *al-Mā'idah* 5: 17; 72 & 73. Rujukan klasik teras kajian ajaran sesat antaranya karya Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī (m.324H),<sup>7</sup> Abū al-Ḥusayn al-Malṭī (m.377H),<sup>8</sup> Abū Manṣūr al-Baghdādī (m.429H),<sup>9</sup> Abū al-Muzaffar al-Isfarāyīnī (m.471H),<sup>10</sup> Abū Ḥamid al-Ghazālī (m.505H/1111M)<sup>11</sup> dan Muḥammad ibn ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī (m.548H/1153M).<sup>12</sup> Antara ilmuwan Malaysia yang menghasilkan karya dalam bidang Abdulfatah Haron Ibrahim,<sup>13</sup> Abdul

---

<sup>7</sup> Abū al-Hassan ‘Alī bin Ismā‘il Al-Ash‘arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhilāf al-Muṣallīyyīn*, ed. Muḥammad Mahy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (Bayrūt: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 1999), 1 & 2.

<sup>8</sup> Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Raḥman Al-Malṭī, *Al-Tanbīh wa al-Radd ‘alā Ahl al-Ahwā’ wa al-Bida'*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (Kaherah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2007).

<sup>9</sup> ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir bin Muḥammad Al-Baghdādī, *Al-Farq bayn al-Firaq*, ed. Ibrāhim Ramaḍān (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2001). Lihat naskhah terjemahan: Abu-Manṣūr ‘Abd-al-Kāhir ibn Tāhir Al-Baghdādī, *Moslem Schisms and Sects*. Terj. Seelye, Kate Chambers (New York: Ams Press Ins, 1966) ; Abu-Manṣūr ‘Abd-al-Kāhir ibn Tāhir Al-Baghdādī, *Moslem Schisms and Sects Part II*. Terj. Halkin, Abraham S. (Philadelphia: Porcupine Press Inc, 1978) ; dan Abd al-Qahir bin Tāhir ibn Muḥammad Al-Baghdādī, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Satu Pengenalan*. Terj. Ibrahim Abu Bakar (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), 1982).

<sup>10</sup> Abū al-Muzaffar Shāhfür bin Tāhir bin Muḥammad al-Shāfi‘ī Al-Isfarāyīnī, *Al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyah ‘an al-Firaq al-Hālikīn*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī, (Kaherah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2010).

<sup>11</sup> Muḥammad bin Muḥammad al-Ghāzalī, 1964H/1383M. *Fadā‘ih al-Bātīniyyah*, ed. ‘Abd al-Raḥman Badawī (Kaherah: al-Dār al-Qawmiyyah li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr, 2015); Muḥammad bin Muḥammad al-Ghāzalī, *Al-Munqidh min al-Dalāl wa al-Mufṣīḥ bi al-Ahwāl* (Bayrūt: Dār al-Minhāj, 2015)

<sup>12</sup> Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *Al-Milal wa al-Nihāl*, ed. Aḥmad Fahmī Muḥammad (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992)

<sup>13</sup> Abdulfatah Haron Ibrahim (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998); Abdulfatah Haron Ibrahim, Abdul Hayei Abdul Shukor, Mohd. Kamil Abd. Majid & Musa Fathullah Harun, *Tasawuf: Beberapa Persoalan* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004); Abdulfatah Haron Ibrahim, *Allah Antara Tasauf dengan Akidah* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008); Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah Batiniyah di Malaysia*, ed. 5 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010).

Hamid@Yusoff Yunus,<sup>14</sup> Farahwahida Mohd Yusof,<sup>15</sup> Engku Ahmad Zaki Engku Alwi,<sup>16</sup> Wan Mohd Azam Mohd Amin<sup>17</sup> dan Mohamad Nidzam Abdul Kadir.<sup>18</sup>

Umumnya, kepincangan timbul apabila perbahasan berkaitan ajaran sesat dibicarakan pelbagai individu yang tidak diketahui kelayakannya. Bahkan wujud individu yang dianggap berkelayakan tetapi tidak menerima salah satu daripada perkara berkaitan Iman, Islam dan Ihsan atau disiplinnya Akidah, Fiqah dan Tasawuf. Persoalan mudahnya, bagaimana individu yang tidak menerima Tasawuf menilainya apa lagi isu-isu berkaitan tarekat? Bagaimana individu yang menolak ajaran ASWJ yang akidahnya Ashā'irah serta Maturidiyyah, fiqhnya mazhab Syafii, Hanafi, Hambali serta Maliki dan tasawufnya berasaskan ajaran al-Janayd serta al-Ghazālī menilai isu-isu berkaitan? Artikel ditulis bertujuan membincangkan isu-isu berkaitan dengan penghuraian definisi, sejarah serta isu ajaran sesat; pemikiran ASWJ; dan kajian ajaran sesat menurut ilmuwan ASWJ berasaskan kajian kualitatif dengan aplikasi metode analisis kandungan. Rumusannya ialah kerangka kajian ajaran sesat menurut ilmuwan ASWJ.

---

<sup>14</sup> Abdul Hamid Ahmad, *Kenapa Masih Sesat* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2001); Abdul Hamid@Yusoff Yunus, *Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat Di Malaysia* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2006) ; Abdul Hamid@Yusoff Yunus, *Asas Rujukan Dalam Bidang Akidah Islam* (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010)

<sup>15</sup> Farahwahida Mohd Yusof, *Aliran Kepercayaan: Sejarah dan Perkembangannya Di Malaysia* (Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, 2007); Farahwahida Mohd Yusof, *Al-Arqam & Ajaran Aurad Muhammadiyah: Satu Penilaian* (Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, 2007); Farahwahida Mohd Yusof, *Penyelewengan Ajaran Qadiani* (Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, 2008); Farahwahida Mohd Yusof, *Fatwa: Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat Di Malaysia* (Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, 2011).

<sup>16</sup> Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong* (Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd, 2007).

<sup>17</sup> Wan Mohd Azam Mohd Amin, *Ajaran Sesat* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), 2009).

<sup>18</sup> Mohamad Nidzam Abdul Kadir, *40 Ciri Ajaran Sesat* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd, 2012).

## DEFINISI, SEJARAH DAN ISU AJARAN SESAT

Islam merupakan agama benar dan diredaya Allah SWT.<sup>19</sup> Individu yang menganuti selain Islam tidak diterima dan dikategorikan sebagai yang rugi di akhirat kelak.<sup>20</sup> Agama Islam sempurna ajarannya dengan perakuan Allah SWT setelah pengutusan nabi serta rasul terakhir.<sup>21</sup> Batasan agama Islam dengan lainnya ialah tidak menyembah selain Allah SWT, tidak sekutukan-Nya dengan sesuatu dan tidak mengambil selain Allah SWT sebagai Zat yang diagungkan.<sup>22</sup> Dakwaan sebagai agama warisan Nabi Ibrahim AS tidak benar kepada selain Islam kerana Baginda AS seorang yang tetap di atas dasar Tauhid dan Muslim taat yang berserah bulat-bulat kepada Allah SWT.<sup>23</sup> Berdasarkan kepada aspek tauhid, Islam adalah yang paling hampir dengan ajaran Nabi Ibrahim AS.<sup>24</sup>

Umat Islam menurut analisis al-Baghdādī<sup>25</sup> ialah mereka yang memperakui baharu alam, mengesakan Pencipta, iktikad qidam-Nya, sifat-sifat-Nya, keadilan-Nya dan kebijaksanaan-Nya, manafikan perumpamaan (*al-tashbih*) ke atas-Nya, memperakui kenabian dan kerasulan Muhammad SAW kepada sekalian alam, kelangsungan (*ta'bīd*) syariat-Nya, segala yang dibawa-Nya adalah hak, al-Quran sebagai sumber perundangan syariah dan Kaabah merupakan arah kiblat yang wajib dihadap ketika solat. Setiap yang memperakui semua perkara di atas tanpa dicemari bidaah yang membawa kepada kekuferan adalah seorang *sunni muwahid* (i.e. ahli sunah yang mengesakan Allah SWT).

Ajaran sesat umumnya ialah ajaran yang menyalahi ajaran Islam yang meliputi aspek kepercayaan, pengamalan dan kerohanian. Berdasarkan panduan wahyu, aspek yang dinamakan sebagai Iman, Islam dan Ihsan adalah perkara yang mengisi keperluan universal manusia yang tiga: [1] Iman, akidah atau aspek mental atau kepercayaan

---

<sup>19</sup> Āli ‘Imrān 3: 19.

<sup>20</sup> Āli ‘Imrān 3: 85.

<sup>21</sup> Lihat: *Al-Mā’idah* 5: 3; *al-Ahzāb* 33: 40.

<sup>22</sup> Āli ‘Imrān 3: 64.

<sup>23</sup> Āli ‘Imrān 3: 67.

<sup>24</sup> Āli ‘Imrān 3: 68.

<sup>25</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 18.

(*al-‘aql*); [2] Islam, fiqah atau aspek fizikal atau pengamalan (*al-jasad*); dan [3] Ihsan, tasawuf atau aspek spiritual atau kerohanian (*al-qalb*). Ketiga-tiga komponen ini diperjelaskan dalam ‘Hadis Jibril RA’ dengan rumusan Baginda SAW iaitu: “*Jibril AS datang kepadamu untuk mengajarkan ‘agama’ kamu*”.<sup>26</sup> Tuntasnya, ‘Ajaran Islam’ meliputi perkara Islam (*al-bad*’), Iman (*al-wast*) dan Ihsan (*al-kamāl*)<sup>27</sup> atau pemahamannya iaitu perkara kepercayaan, pengamalan dan kerohanian yang dipelajari melalui disiplin ilmu Akidah, Fiqah dan Tasawuf.

Perkataan sesat atau *dalāl* berakar katanya daripada *dalla*, *yadillu*, *dallan*, *dalālan*, *dalālatan*, *dāllun* iaitu memberi maksud hilang lenyap, sia-sia, sesat, kesesatan, menyeleweng daripada sesuatu dan tidak mendapat petunjuk.<sup>28</sup> Perkataan sinonimnya *baṭala*, *yabṭulu*, *buṭlān*,<sup>29</sup> *zagha*, *yazūghu*, *zawghan*<sup>30</sup> atau *ghawā*, *yaghwī*, *ghayyan*.<sup>31</sup> Sesat bermaksud jauh daripada jalan yang lurus sama ada sangat jauh atau sedikit, sengaja, terlupa atau tersalah. Sebab-sebab kesesatan dicatatkan dalam al-Quran kerana: kekufturan,<sup>32</sup> kesyirikan,<sup>33</sup> kemaksiatan,<sup>34</sup> terbatal amalan<sup>35</sup> dan kesalahan disebabkan lupa, ghaflah atau tiada pengetahuan terhadap kebenaran.<sup>36</sup>

Istilah ‘jalan yang sesat’ berlawanan ‘jalan yang lurus’ atau *al-ṣirāt al-mustaqīm* yang merupakan permohonan setiap Muslim kepada Allah SWT: “*Tunjukilah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat kepada mereka, bukan (jalan)*

<sup>26</sup> Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, *Šaḥīḥ Muslim* (Al-Riyād: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2000) 24-25 (no. hadith 93).

<sup>27</sup> Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *Al-Milal wa al-Nihāl*, ed. Aḥmad Fahmī Muḥammad (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992), 35-36.

<sup>28</sup> *Al-Mu‘jam al-Asāsī al-‘Arabī* (t.pt.: Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm, 2003), 774-775. Lihat: *al-An‘ām* 6: 24; *al-Kahf* 18: 104; *al-Aḥzāb* 33: 36.

<sup>29</sup> *Al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*, 162; *al-A‘rāf* 7: 118.

<sup>30</sup> *Al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*, 594; *al-Saff* 61: 5.

<sup>31</sup> *Al-Mu‘jam al-‘Arabī al-Asāsī*, hlm. 907; *al-Baqarah* 2: 256; *al-Shu‘arā’* 26: 224; *al-Qaṣas* 28: 63.

<sup>32</sup> *Al-Baqarah* 2: 108.

<sup>33</sup> *Al-Nisā’* 4: 116.

<sup>34</sup> *Al-Aḥzāb* 33: 36.

<sup>35</sup> *Al-Kahf* 18: 103-104.

<sup>36</sup> *Al-Shu‘arā’* 42: 20.

orang-orang yang Engkau telah murkai dan bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat”.<sup>37</sup> Maksud: “jalan orang-orang yang Engkau telah kurniakan nikmat”. menurut ahli tafsir seperti al-Ṭabarī,<sup>38</sup> Ibn Kathīr<sup>39</sup> dan al-Rāzī<sup>40</sup> ialah jalan para nabi, *siddiqīn*, para syuhada dan *sālihīn*. Maksud: “bukan (jalan) orang-orang yang Engkau telah murkai.” (*al-maghdūb ‘alayhim*) ialah Yahudi dan maksud: “bukan pula (jalan) orang-orang yang sesat.” (*al-dālīn*) ialah *Naṣārā*, Nasrani atau Kristian.

Perkataan ‘ajaran’ bermaksud segala sesuatu yang diajarkan, nasihat, petunjuk, teori, mazhab atau hukuman.<sup>41</sup> Manakala ‘sesat’ bermaksud tidak mengikut jalan yang betul, tersalah atau tersilap jalan, terkeliru atau menyimpang dari jalan yang benar.<sup>42</sup> Lengkapnya, ajaran sesat menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<sup>43</sup> bermaksud ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang-orang Islam atau orang-orang bukan Islam yang didakwanya berdasarkan kepada ajaran Islam atau didakwa tidak berlawanan dengan dasar-dasar ajaran Islam tetapi sebenarnya ajaran atau amalan tersebut adalah berlawanan dengan akidah dan syariah Islam berdasarkan al-Quran dan Sunah.

Rumusannya, berdasarkan literatur dan situasi di Malaysia,<sup>44</sup> ajaran sesat dapat dirumuskan sebagai sebarang ajaran atau amalan yang didukung oleh orang-orang Islam dan bukan Islam yang mendakwa ianya berdasarkan ajaran Islam sedangkan pada hakikatnya bercanggah dengan agama Islam, bertentangan dengan al-Quran dan Sunah dan

<sup>37</sup> *Al-Fātiḥah* 1: 6-7.

<sup>38</sup> Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Ayy al-Qur’ān*, ed. Bashshār ‘Awāḍ Ma‘rūf & ‘Iṣām Fāris al-Haristānī (Bayrūt: Mu‘assasah al-Risālah, 1994), 72-80.

<sup>39</sup> Al-Ḥāfiẓ ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘il bin ‘Umar al-Qurashī al-Dimashqī Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīz* (Bayrūt: Dār Ibn Hazm, 2000), 71-75.

<sup>40</sup> Fakhr al-Dīn Muhammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn al-Rāzī, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Muṣhtāhir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb* (Bayrūt: Dār al-Fikr li al-Tabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, 1981), 1: 261-266.

<sup>41</sup> *Kamus Dewan*. Ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 20.

<sup>42</sup> *Ibid.*, 1478.

<sup>43</sup> Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) *Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010), 3.

<sup>44</sup> Enku Ahmad Zaki, *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong*, 26; Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah Batiniyah di Malaysia*, 1-2; JAKIM, *Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat*, 3.

berlawanan dengan mazhab yang muktabar iaitu ASWJ dari sudut Akidah, Fiqah dan Tasawuf. Rumusan definisi ini bersesuaian dengan konteks kefahaman dan pengamalan ajaran Islam aliran ASWJ umat Islam di Nusantara sejak sekian lama yang meliputi aspek Akidah, Fiqah dan Tasawuf. Masyarakat Islam Alam Melayu sejak dahulu memiliki naratif akidah Asyari, fiqah Syafii dan tasawuf al-Ghazālī.<sup>45</sup>

## Sejarah Ajaran Sesat

Secara kronologinya para Nabi dan Rasul khususnya utusan pertama iaitu Nabi Adam AS adalah orang pertama memperjelaskan konsep Tauhid dan lawannya iaitu syirik. Semua para Nabi dan Rasul yang diutuskan Allah SWT membawa seruan sama: “*Hendaklah kamu menyembah Allah dan jauhilah Taghut*”.<sup>46</sup> Islam meraikan manusia yang bersifat kepelbagaian budaya (*multi-cultural*) dan kepelbagaian agama (*multi-religious*). Fitrah asal kejadian manusia cenderung mentauhidkan Allah SWT namun persekitaran merubahnya kepada syirik. Justeru, inti pati wacana al-Quran umumnya adalah dakwah mengembalikan manusia kepada mentauhidkan Allah SWT<sup>47</sup> dan penegasan hanya Islam satu-satunya agama yang diredai-Nya.<sup>48</sup>

Isu ajaran sesat umumnya ialah penyelewengan terhadap ajaran Islam terutamanya isu ketuhanan atau ketauhidan dan isu berkaitan kenabian. Kelompok ajaran sesat terawal ialah para pengikut kepada individu yang mengaku sebagai sebagai nabi. Menurut Abu al-Sa‘ūd,<sup>49</sup> 11 orang individu mengaku nabi sejak zaman Rasulullah SAW dan Khulafā’ al-Rasyidin. Tiga daripadanya i zaman Rasulullah SAW iaitu al-Aswad Al-‘Unsī (w.11H), Musaylamah al-Kadhdhāb (w.11H) dan

<sup>45</sup> Abdullāh Fahim (m.1961) menjelaskan bangsa Melayu di setiap peringkat sama ada awam, ulama dan raja bermazhab al-Shāfi‘ī, berakidah al-Ash‘arī dan bertasawuf al-Ghazālī. Lihat: Muhammad Ayman al-‘Akītī, Ahmad Faiz Hafizuddin Rosli & Muhammad Amir Ashraf Rosdin, *Shaykh Abdu’llah Fahim: ‘Ulamā’ Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Perjuangan Kebangsaan* (Kajang: Akademi Jawi Malaysia Sdn. Bhd., 2020), 83-88.

<sup>46</sup> *Al-Nahl* 16: 36.

<sup>47</sup> *Al-An‘ām* 6: 126.

<sup>48</sup> Ālī ‘Imrān 3: 19, 85.

<sup>49</sup> Nukilan: Engku Ahmad Zaki, *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong*, 29-35.

Ṭulayḥah bin Khuwaylid (w.21H). Pada zaman Sayidina Abu Bakar al-Siddiq terdapat tujuh individu lagi mengakui nabi iaitu ‘Uyainah bin Ḥassan, Qurrah bin Salamah al-Qushayrī, al-Fujā’ah bin ‘Abd al-Yalīl (w.11H), Malik bin Nuwayrah (w.12H), Sajāh binti Al-Mundhir (w.55H), al-Ash‘ath bin Qays (w.40H) dan al-Hatam bin Zayd. Jabālah bin Al-Ayham (w.20H) adalah individu ke-11 mengaku nabi di zaman Sayidina ‘Umar al-Khattab (w.23H).

Fanatik terhadap satu-satu isu atau pemikiran punca khilaf dan perpecahan. Al-Baghdādī<sup>50</sup> menggariskan beberapa isu-isu perpecahan umat: [1] kewafatan Rasulullah SAW; [2] pemakaman Rasulullah SAW; [3] kepemimpinan atau imamat; [4] peninggalan (*fadak*) Rasulullah SAW; [5] ingkar kewajipan zakat; [6] peperangan terhadap Ṭulayḥah bin Khuwaylid, Musaylamah al-Kadhdhāb, Sajāh dan al-Aswad al-‘Unsī; [7] peperangan kelompok murtad; [8] peperangan terhadap Rom dan Ajam (i.i. bukan bangsa Arab); [9] isu berkaitan Sayidina Uthmān RA; [10] isu berkaitan Sayidina ‘Alī RA dan isu-isu al-Qadariyyah, al-Khwārij, al-Mu’tazilah, al-Rawāfiḍ, al-Bakriyyah, al-Ḍarāriyyah, al-Jahmiyyah dan lain-lain yang akhirnya membentuk 73 kelompok umat.

72 kelompok menurut ASWJ masih dalam kategori umat Islam. Al-Baghdādī<sup>51</sup> mengkategorikannya kepada dua iaitu masih dianggap umat Islam dan kedua bukan Islam. Pertama, kelompok dicemari bidaah seumpama al-Mu’tazilah, al-Khwārij, al-Rāfiḍah al-Imāmiyyah, al-Zaydiyyah, al-Najjāriyyah, al-Jahmiyyah, al-Ḍarāriyyah dan al-Mujassimah. Mereka masih umat Islam pada sebahagian hukum hakam iaitu diharuskan pengebumian di perkuburan Islam, tidak dihalang menerima *al-fay'* serta ghanimah (i.i. harta rampasan perang) dan tidak ditegah solat di masjid. Pada hukum hakam yang lainnya tidak harus solat ke atasnya serta dibelakangnya, tidak halal sembelihannya, tidak dinikahkannya dengan wanita sunni dan tidak harus seorang sunni menikahi wanitanya. Kedua, kelompok yang dicemari bidaah seperti al-Bāṭiniyyah, al-Bayāniyyah, al-Mughīriyyah, al-Khaṭṭābiyyah dan

---

<sup>50</sup> Lihat: Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 9-13; al-Shahrastānī, *Al-Milal wa al-Nihāl*, 11-29.

<sup>51</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, 18-19.

lainnya<sup>52</sup> yang terkeluar Islam. Antara sebab terkeluar Islam ialah iktikad ketuhanan imam-imam, menafikan kenabian serta kelangsungan syariat Rasulullah SAW, menganut panteisme, *al-hulūl* atau *al-ittihād* (i.i. asimilasi), inkarnasi (*al-tanāsukh*), menghalalkan yang haram atau sebaliknya dan mengharuskan nikah cucu perempuan daripada anak lelaki atau perempuan.

## Isu-isu Ajaran Sesat

Isu-isu ajaran sesat paling utama ialah penyelewengan dalam ajaran Islam berkaitan persoalan ketuhanan, kenabian dan perkara ghaib. Komponen pertama *al-Ilahiyyāt* atau ketuhanan yang membincangkan kewujudan Khalik, keesaan-Nya, penjelasan zat, sifat serta perbuatan-Nya, tauhid-syirik dan Khalik-makhluk. Kedua, *al-Nubuwwāt* atau kenabian yang membincangkan Muhammad SAW sebagai rasul dan sifat-sifat wajib, mustahil serta harus bagi-Nya. Komponen ketiga *al-Sam‘iyāt* atau perkara ghaib. Tiga perkara ini dirumus para ilmuwan ASWJ seperti Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī (m.895H) daripada *al-Shahādatayn* (Dua Kalimah Syahadah) iaitu ikrar pertama menghendaki si peraku mengetahui perkara-perkara yang wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT. Ikrar kedua mengehendaki si peraku mengetahui perkara-perkara wajib, mustahil dan harus bagi para rasul termasuk perkara-perkara keimanan yang dibawa Rasulullah SAW. Al-Sanūsī di dalam *Umm al-Barāhīn*<sup>53</sup> memperincikan pemahaman yang diperlukan daripada perakuan *al-Shahādatayn* ialah 50 perkara iaitu 20 perkara wajib, 20 mustahil dan 1 harus bagi Allah SWT. Tambahan 4 perkara

<sup>52</sup> 21 kelompok yang terkeluar Islam menurut al-Baghdādī ialah: [1] Saba’iyyah; [2] Bayāniyyah; [3] Harbiyyah; [4] Mughīriyyah; [5] Mansūriyyah; [6] Janāhiyyah; [7] Khattābiyyah; [8] Ghurābiyyah; [9] Mufawwiḍah; [10] Hulūliyyah; [11] Ashāb al-Tanāsukh; [12] Khābitiyyah; [13] Ḥimāriyyah; [14] Muqanna’iyyah; [15] Razāmiyyah; [16] Yazidiyyah; [17] Maymūniyyah; [18] Bātiniyyah; [19] Ḥallājiyyah; [20] ‘Adhāfariyyah; [21] Aṣḥāb Ibāhah.

<sup>53</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *Rasā’il al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī ft ‘Ilm al-‘Aqīdah ‘alā Manhaj al-Asha’irah*, ed. ‘Abd al-Karīm Qabūl (al-Maghrib: Dār al-Rashād al-Hadīthah, 2013), 98.

wajib, 4 mustahil dan 1 harus bagi rasul. Kesemuanya 50 perkara ini adalah tuntutan *al-Shahādatayn*. Lihat Rajah I<sup>54</sup>.

Rajah I Tajuk, mauduk atau isu-isu Ilmu Kalam

أشهد أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

“Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad pesuruh Allah SWT”

(i) <i>al-Ilahiyyāt</i> atau perkara-perkara ketuhanan.	(ii) <i>al-Nubuwwāt</i> atau perkara-perkara kenabian.	(iii) <i>al-Sam‘iyyāt</i> atau perkara-perkara ghaib.
41 perkara daripada sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi Allah SWT.	9 perkara daripada sifat-sifat wajib, mustahil dan harus bagi rasul.	Perkara-perkara yang dibawa Rasulullah SAW khususnya perincian daripada 6 rukun Iman.

Isu utama lain yang menjadi asas khilaf sehingga mengakibatkan kelompok mazhab menurut al-Shahrastānī (m.549H)<sup>55</sup> ialah: [1] isu sifat-sifat dan tauhid; [2] isu qadar dan keadilan; [3] isu *wa ‘d* (janji baik), *wa ‘id* (janji buruk), nama-nama dan hukum hakam; dan [4] isu *sama’* (wahyu, naqliyah), akal, kerasulan dan keimaman.

Isu keempat berkaitan akal dan wahyu atau epistemologi iaitu teori tentang pengetahuan signifikannya membentuk pelbagai aliran mazhab. Menurut ASWJ, manusia memperolehi pengetahuan melalui tiga sumber: pancaindera (*al-abṣār*), akal (*al-af‘idah*) dan wahyu (*al-sam‘*).<sup>56</sup> Disebut dua iaitu akliyah dan naqliyah kerana pancaindera (i.i. alat perasa lima: deria rasa, bau, dengar, lihat dan sentuh)<sup>57</sup> alat kepada akal. Di sini ASWJ, akal dan wahyu menjadi teras kepada sumber

<sup>54</sup> Wan Haslan Khairuddin, “Abu al-Hassan al-Ash‘ari mujaddid Ilmu Kalam”, (Prosiding Seminar Gerakan Islah dalam Dunia Islam: Pemikiran dan Pengaruh Abu al-Hassan al-Ash‘ari dalam Masyarakat Melayu, 2017), 79-80.

<sup>55</sup> Al-Shahrastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, hlm. 5-6.

<sup>56</sup> Lihat: *Al-Nahl* 16: 78; *al-Taftāzānī*, Sa‘d al-Dīn Ma‘ūd bin ‘Umar bin ‘Abd Allāh. 1987M/1407H. *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah*. Aḥmad Ḥijāzī al-Siqā (pnyt.). Al-Qāhirah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah. Hlm. 15.

<sup>57</sup> *Kamus Dewan*, hlm. 1478.

perundangan Islam sehingga disepakati empat sumber utamanya iaitu al-Quran, Sunah, Ijmak dan *Qiyās*. Kedudukan akal sebagai panduan kehidupan manusia jelas apabila al-Quran sering mengulangi ayat-ayat berkaitan dengan lafaz-lafaz seperti *tafakkur*, *nazar*, *tabaṣṣur*, *tadabbur*, *tafaqquh*, *tadhakkur*, *i‘tibar*, *ta‘aqul* dan *tawassum*. Bahkan, golongan sesat ditempelak al-Quran sebagai golongan tidak berakal atau tidak mahu menggunakan akal.<sup>58</sup> Keperluan manusia terhadap akal dan wahyu tidak dapat dikecualikan<sup>59</sup> dan al-Ghazālī<sup>60</sup> mengumpamakan akal sebagai mata manakala wahyu sebagai cahaya. Lanjutnya, akal bersama dengan syarak (i.i. wahyu) adalah cahaya di atas cahaya.

Sumber pancaindera, akal dan wahyu menjadi teras dalam mensabitkan atau menafikan sesuatu sehingga ulama kalam menjadikannya pengantar Ilmu Tauhid iaitu hukum syarak (sumber wahyu), hukum adat (pancaindera) dan hukum akal (akal). Hukum syarak sama ada *taklīfi* iaitu wajib, sunat, harus, makruh dan haram atau *wāḍa‘ī* iaitu sebab, syarat dan halangan (*māni‘*). Hukum adat penjelasan kaitan sebab-musabab atau faktor-kesan yang empat: ada-ada; tiada-tiada; ada-tiada; dan tiada-ada. Terma ‘saintifik’ hakikatnya adalah natijah penelitian pancaindera. Ada pun hukum akal batasan taakulannya tiga iaitu wajib, mustahil dan harus.<sup>61</sup> Lihat Rajah II.<sup>62</sup>

---

<sup>58</sup> *Yāsīn* 36: 62.

<sup>59</sup> Sa‘id ‘Abd al-Laṭīf Fawdah, *Buhūth fī ‘Ilm al-Kalām* (‘Ammān: Dār al-Rāzī li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2004), 26.

<sup>60</sup> Abū Ḥāmid Muhammad al-Ghazālī, *Al-Iqtisād fī al-I‘tiqād* (Bayrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988), 3-4.

<sup>61</sup> Al-Sanūsī, *Rasā‘il al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī fī ‘Ilm al-‘Aqīdah ‘alā Manhaj al-Ash‘irah*, 29-38.

<sup>62</sup> Wan Haslan Khairuddin, *Abu al-Hassan al-Ash'ari mujaddid Ilmu Kalam*, 81.

Rajah II Sumber dan sandaran hukum Ilmu Kalam

وَاللَّهُ أَخْرِجَكُم مِّنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ أَعْلَمُكُمْ  
تَشْكِرُونَ [التحل: 78]

*“Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran, penglihatan dan hati supaya kamu bersyukur”*

- |   |  |  |
|---|--|--|
| <p>(i) <i>al-sam'</i> atau wahyu menatijahkan hukum syarak.<br/>Hukum syarak: [a] <i>taklīfī</i>: wajib, sunat, harus, makruh dan haram; [b] <i>waḍā'ī</i>: sebab, syarat dan halangan.</p> | <p>(ii) <i>al-abṣār</i> atau pancaindera menatijahkan hukum adat atau saintifik.<br/>Hukum adat perkaitan faktor-kesan: ada-ada, tiada-tiada, ada-tiada dan tiada-ada.</p> | <p>(iii) <i>al-af'īdah</i> atau akal menatijahkan hukum akal.<br/>Hukum akal: wajib, mustahil dan harus.</p> |
|---|--|--|

\*Apabila disebutkan hanya dua iaitu wahyu dan akal maka pancaindera termasuk dalam akal kerana ianya merupakan deria perasa lima iaitu alat-alat bagi akal.

## PEMIKIRAN AHLI SUNAH WALJAMAAH

Wacana berkaitan ASWJ dihuraikan para ulama kerana hadis-hadis perpecahan umat (*iftirāq al-ummah*) kepada 73 kelompok (*al-Firaq al-Islāmiyyah*). Hadis-hadis berkaitan mempunyai pelbagai konteks: [i] wujud riwayat tidak menyatakan kelompok yang binasa atau ke neraka; [ii] wujud riwayat yang menyatakan satu kelompok selamat dan selebihnya binasa; dan [iii] wujud riwayat yang menyatakan semuanya selamat kecuali satu binasa iaitu kelompok zindik (i.i. orang yang imannya telah terpesong, orang yang sesat tidak percaya agama Allah yang sebenarnya). Kesahan hadis-hadis berkaitan turut menjadi perbincangan selain mafhum *al-ummah* yang dikehendaki sama ada *umat al-da'wah* iaitu bukan Islam atau *umat al-ijābah* iaitu umat Islam. Antara ulama yang menerima hadis berkaitan dan berusaha menghitung 73 kelompok ialah Abū al-Ḥusayn al-Malṭī (m.377H), Abū Maṇṣūr al-

Baghdādī (m.429H), Abū al-Muẓaffar al-Isfarāyīnī (m.471H) dan Muḥammad ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī (m.549H)<sup>63</sup>.

Hadis-hadis *iftirāq al-ummah* diriwayatkan para sahabat termasuk khulafā’ al-Rāshidīn.<sup>64</sup> Al-Baghdādī dalam *al-Farq bayn al-Firaq*<sup>65</sup> merekodkan tiga buah lafaz hadis iaitu riwayat Abū Hurayrah RA,<sup>66</sup> ‘Abd Allah bin ‘Amr RA<sup>67</sup> dan Anas RA.<sup>68</sup> Konteks hadis pertama menyatakan 71 kelompok Yahudi, 72 Nasrani dan 73 umat Muhammad SAW tanpa sebarang penghukuman. Konteks hadis kedua menyatakan 72 kelompok Bani Israel dan 73 umat Muhammad SAW yang kesemuanya ke neraka kecuali kelompok yang menurut jalan Rasulullah SAW dan para sahabatnya (*mā Anā ‘alayh wa aṣḥābī*). Konteks hadis ketiga menyatakan 71 kelompok Bani Israel dan 72 umat Muhammad SAW yang kesemuanya ke neraka kecuali *al-Jamaah* (i.e. kelompok dan majoriti umat).

Al-Baghdādī<sup>69</sup> menjelaskan bahawa apa yang dikehendaki oleh Rasulullah SAW sebagai kelompok mazmumah (i.e. tercela, tidak selamat) bukan kelompok fuqaha kerana mereka tidak mengkafirkan atau menyesatkan dalam persoalan furuk halal dan haram. Akan tetapi kelompok-kelompok sesat tersebut mereka yang menurut hawa nafsu

<sup>63</sup> Lihat: Muḥammad Zāhid al-Kawtharī, “Iftirāq al-Ummah ‘alā Firaq wa Kalimah ‘an al-Imām Abī al-Muẓaffar al-Isfarāyīnī wa Kitāb al-Tabṣīr lahu,” dalam Abū al-Muẓaffar Shāhfūr bin Tāhir bin Muḥammad Al-Isfarāyīnī, *Al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiah ‘an al-Firaq al-Hālikīn* (Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, t.t), 3-11.

<sup>64</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 13.

<sup>65</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 9-13.

<sup>66</sup> Direkodkan riwayatnya dengan sedikit perbezaan lafaz: Abū Dā’ūd Sulaymān bin al-Ash ‘ath bin Ishāq al-Azdī al-Sajistānī, *Sunan Abī Dā’ūd* (Al-Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1999), 650 (no. hadith 4596).

<sup>67</sup> Direkodkan riwayatnya dengan sedikit perbezaan lafaz: Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā Al-Tarmidhī, *Sunan al-Tarmidhī*, ed. Ṣidqī Jamīl Al-Atṭār (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2005), 759 (no. hadith 2650); Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Naysābūrī Al-Hākim, *Al-Mustadrak ‘alā al-Sahīhayn*, ed. ‘Atā, Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987), 1: 218 (no. hadith 444).

<sup>68</sup> Direkodkan riwayatnya dengan lafaz yang sama: Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīdal-Rabī‘ī al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah* (Al-Riyāḍ: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1999), 574 (no. hadith 3993).

<sup>69</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 9-15.

(*aṣḥāb al-ahwā’ al-dālah*) dan menyalahi *al-firqah al-nājiyyah*. Al-Baghdādī menghitung 73 kelompok seperti berikut: 20 kelompok al-Rawāfiḍ, 20 al-Khawārij, 20 al-Qadariyyah al-Mu’tazilah, 5 al-Murji’ah, 3 al-Najjāriyyah, 1 al-Bakriyyah, 1 al-Darāriyyah, 1 al-Jahmiyyah, 1 al-Karāmiyyah dan kelompok ke-73 ialah Ahli Sunah Waljamah yang disifatkan sebagai *al-firqah al-nājiyyah*.

Dalam menjelaskan *al-firqah al-nājiyyah*, al-Baghdādī<sup>70</sup> mengomentari penunjuk (*indicator*) Rasulullah SAW iaitu ‘kelompok yang menuruti aku dan para sahabatku’. Katanya, tiada kelompok yang muafakat dengan para sahabat kecuali ASWJ yang terdiri daripada fuqaha umat dan ahli kalam dengan prinsip *al-ṣifātiyyah*<sup>71</sup>. ASWJ menurutnya ialah lapan kelompok iaitu:<sup>72</sup> [1] ulama kalam yang bebas dari fahaman *tashbīh* (menyerupakan sifat Allah dengan makhluk), bebas daripada fahaman *ta’til* (menafikan sifat-sifat Allah SWT) dan bebas daripada bidaah al-Rāfiḍah, al-Khawārij, al-Jahmiyyah, al-Najāriyyah serta sekalian kelompok sesat; [2] para imam fiqh aliran *al-Ra’y* (rasional) serta *al-Hadīth* (tekstual) yang beriktitikad perkara Usuluddin berdasarkan prinsip-prinsip *al-ṣifātiyyah*. Termasuk di dalamnya murid-murid Mālik, al-Shāfi’ī, al-Awzā’ī, al-Thawrī, Abū Ḥanīfah, Ibn Abū Laylā (m.148H), sahabat-sahabat Abū Thawr (m.240H), Ahmad bin Ḥanbal (m.241H), ahli al-Zāhir dan seluruh fuqaha; [3] ulama ilmu-ilmu berkaitan periyawatan hadis dan sunah yang berupaya membezakan antara sahih dan cacat, mengetahui sebab-sebab *al-jarh* dan *al-ta’dil* (kecacatan dan keadilan perawi); [4] ulama yang menguasai Sastera Arab, Nahu dan Saraf seperti al-Khalīl (m.175H), Abū ‘Amr bin al-‘Alā’ (m.145H), Sibawayh (m.180H), al-Farrā’ (m.207H), al-Akhfash (m.215H), al-Asma’ī, al-Māzinī (m.236H), Abū ‘Ubayd (m.224H) dan seluruh imam-imam Nahu dari Kufah dan Basrah; [5] ulama yang menguasai ilmu qiraat al-Quran dan jenis-jenis tafsiran al-Quran, takwilannya berdasarkan mazhab-mazhab Ahli Sunah tanpa berpegang takwilan kelompok sesat; [6] para sufi zuhud yang menyediakan diri dengan sebaik-baik persiapan untuk hari akhirat.

<sup>70</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 279.

<sup>71</sup> Penamaan kepada kelompok Salaf menyalahi kelompok *al-Mua’ṭtilah* iaitu al-Mu’tazilah. Ciri *al-ṣifātiyyah* yang merupakan ASWJ kemudiannya berpindah kepada al-Ash’ariyyah. Lihat: al-Shahrastānī, *Al-Milal wa al-Nihāl*, hlm. 79-81.

<sup>72</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 276-279.

Agamanya ialah tauhid, menafikan *tashbīh*, mazhab mereka *tafwīd*, tawakal kepada-Nya, penyerahan kepada kehendak-Nya, qanaah dengan apa yang direzekikan dan jauh dari sikap berbantah-bantah; [7] kelompok yang berada di perbatasan kaum Muslimin dalam berhadapan kaum kafir, berjihad melawan musuh-musuh Islam dan mengawal tanahair umat Islam; [8] kaum kebanyakan umat yang berada di negara-negara yang menzahirkan syiar-syiar Ahli Sunah Waljamaah.

Al-Baghdādī<sup>73</sup> merumuskan lapan kelompok ASWJ dengan menyatakan bahawa mereka ini kelompok Ahli Sunah Waljamaah dan kumpulan-kumpulannya adalah pengikut agama yang suci serta jalan yang lurus. ASWJ atau *al-firqah al-nājiyyah* tidak mengkafirkan kaum Muslim kecuali dengan asas-asas yang jelas. Seseorang dihukum kafir sekiranya mengkafirkan para sahabat atau mempunyai anutan yang melampaui batas-batas syarak. Kesemua 72 kelompok masih dikategorikan sebagai umat Islam atau ahli kiblat.<sup>74</sup> Selain itu, ASWJ memiliki syiar iaitu mereka mewajibkan doa terhadap umat Islam terdahulu supaya diampunkan dosa dan ditiadakan perasaan hasad dengki serta dendam terhadap orang beriman.<sup>75</sup>

Ciri-ciri ASWJ ialah 15 usul teras didokumentasikan al-Baghdādī dalam *al-Farq bayn al-Firaq*<sup>76</sup> merangkumi aspek kehidupan iaitu Allah, manusia dan alam atau aspek ontologi, epistemologi, teologi dan *axiology* (i.e. falsafah kebaikan atau nilai): [1] mensabitkan hakikat serta ilmu secara khusus dan umum; [2] pengetahuan kebaharuan alam dalam setiap bahagiannya yang terdiri daripada sifat-sifat (*al-a'rad*; i.e. sifat zat) dan jisim-jisim (zat kewujudan); [3] pengetahuan sifat-sifat-Nya yang azali; [4] Pencipta alam dan sifat-sifat zat-Nya; [5] pengetahuan nama-nama dan sifat-sifat-Nya; [6] pengetahuan keadilan-Nya dan hikmah-Nya; [7] pengetahuan para rasul dan nabi-Nya; [8] pengetahuan mukjizat para nabi dan keramat para wali; [9] pengetahuan apa yang disepakati umat daripada rukun-rukun syariat Islam; [10]

<sup>73</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 279.

<sup>74</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 276-279.

<sup>75</sup> *Al-Hashr* 53: 10.

<sup>76</sup> Al-Baghdādī, *al-Farq bayn al-Firaq*, hlm. 283-318. Lihaturaian 15 usul berkaitan dalam: ‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad Al-Baghdādī, *Usul al-Dīn*, ed. Ahmad Sham al-Dīn (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002).

pengetahuan perintah, larangan dan taklif; [11] pengetahuan binasa para hamba dan hukum hakam berkaitan di akhirat; [12] khilafah, imamat dan syarat-syarat kepimpinan; [13] keseluruhan hukum-hakam Iman dan Islam; [14] pengetahuan hukum hakam para wali dan kedudukan para imam yang bertakwa; [15] pengetahuan hukum hakam berkaitan para musuh di kalangan kaum kafir dan kelompok sesat.

ASWJ atau *al-firqah al-nājiyyah* sinonim dengan kelompok al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah yang ajarannya bersih daripada kesesatan dan kekufuran.<sup>77</sup> Al-Sayyid Murtada al-Zabidi (m.1790/1205H) menegaskan:<sup>78</sup>

إِذَا أَطْلَقَ أَهْلُ السُّنْنَةِ فَالْمَرْأَةُ بِهِ الْأَشَاعِرَةُ وَالْمَاتُرِيدِيَّةُ

Bermaksud: Apabila disebut Ahli Sunah Waljamaah maka yang dimaksudkan dengannya ialah fahaman atau fatwa yang diajar oleh ulama Asyairah dan Maturidiah.

Akidah al-Ash‘arī, fiqh al-Shāfi‘ī dan tasawuf al-Junayd serta al-Ghazālī adalah pegangan umat di Alam Melayu<sup>79</sup>. Muhammad Muktar bin Atarid (m.1930/1349H) pengarang *Inilah Kitab Usuluddin Iktikad Ahli Sunah Waljamaah*<sup>80</sup> menegaskan:

...dan bahwasanya Imām al-Shāfi‘ī dan Imam Abī Ḥanīfah dan Imām Malik bin Anas dan Imam Ahmad bin Hanbal dan setangkalannya ulama ahli ijtihad... maka wajib atas tiap-tiap seorang yang bukan ahli ijtihad bahawa ia taklid yakni mengikut pada hukum fiqah akan salah satu daripada mazhab mereka itu...dan bahwasanya Imam Abi Hassan Asyari dan Imam Abu Mansur Maturidi itu ikutan yang benar pada bab iktikad..dan bahwasanya tarekat Abi al-

<sup>77</sup> Lihat: ‘Abd Allāh bin ‘Alawī al-Haddād, *Dīwān al-Imām al-Haddād* atau *al-Durr al-Manzūm lidhawī al-‘Uqūl wa al-Fuhūm* (t.p.: t.p, t.t), 231.

<sup>78</sup> Al-Sayyid Murtađa al-Zabīdī, *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn* (Bayrūt -Lubnān: Mu’assasah al-Tārikh al-‘Arabī, 1994), 2: 5.

<sup>79</sup> Lihat: Muhammad Ayman al-‘Akiti et. al, *Shaykh ‘Abdu’llah Fahim: ‘Ulamā’ Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Perjuangan Kebangsaan*, (t.p: t.p, t.t), 83-88.

<sup>80</sup> Muhammad Muktar bin Atarid, *Inilah Kitāb Uṣūl al-Dīn I’tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* (t.p.: Percetakan Nahdī, t.t), 5-6.

Qasim Junayd al-Baghdadi dan sekalian ikutan itu tarekat yang benar yang suci bidaah.

## KAJIAN AJARAN SESAT MENURUT ILMUWAN AHLI SUNAH WALJAMAAH

Ilmu Kajian Ajaran Sesat bukan disiplin ilmu baharu sebaliknya merupakan pecahan wacana Ilmu Tauhid atau Ilmu Kalam. Ilmu Kalam berdasarkan beberapa definisi bermaksud ilmu berkaitan pengukuhan perkara-perkara akidah dengan hujah-hujah yang diyakini dan penolakan terhadap segala keraguan.<sup>81</sup> Menurut Sa‘īd Ramaḍān al-Būtī,<sup>82</sup> Ilmu Kalam adalah diskusi-diskusi ilmiah berkaitan isu-isu di dalam akidah Islam. Sesuai penamaan, Ilmu Kalam menggambarkan sifatnya yang menuntut keupayaan daya taakul dalam memberikan hujah-hujah yang meyakinkan serta dalil-dalil yang mampu menangkis sebarang keraguan. Ilmu Kalam adalah mekanisme dalam pemeliharaan kesucian agama Islam daripada sebarang penyelewengan, kesesatan dan kekufturan. Ilmu Kalam adalah disiplin yang mendiskusikan kepercayaan penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dan kepercayaan agama-agama (*interreligions*) termasuk falsafah serta ideologi.<sup>83</sup> Keduanya adalah wacana induk Ilmu Kalam<sup>84</sup>. Tradisi wacana Ilmu Kalam terhadap dua

---

<sup>81</sup> al-Sayyid al-Sharīf ‘Alī bin Muḥammad Al-Jurjānī, 1998. *Sharḥ al-Mawaqif wa ma ‘ahu Ḥāshiyatā al-Sayālakūtī wa al-Ḥalabī* ed. Maḥmūd ‘Umar al-Dimyāṭī (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998) 1-8: 40; Sa‘d al-Dīn Ma‘ūd bin ‘Umar bin ‘Abd Allāh Al-Taftāzānī, *Sharḥ al-Maqāṣid*, ed.‘Abd al-Rahmān ‘Umayrah (Bayrūt:‘Ālam al-Kutub, 1998), 1:163; Waliyy al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad Ibn Khaldūn, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, ed.‘Abd Allah Muḥammad al-Darwīsh (Dimashq: Dār Ya‘rab, 2004), 205.

<sup>82</sup> Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān Al-Būtī, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah: Wujūd al-Khāliq wa Wazīfah al-Makhlūq* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1979), 17.

<sup>83</sup> Al-Jurjānī, *Sharḥ al-Mawaqif*, 164-165; Muḥammad Aḥmad Muḥammad ‘Amūh, t.th. *Al-Jawāb al-Tām ‘an ḥukm Ta‘allum ‘Ilm al-Kalām* (Al-Hudaydah: Al-Hay’ah al-‘Ilmiyyah bi Ribāṭ Abī Bakr al-Ṣiddīq li al-‘Ulūm al-Shari‘iyah, t.t), 4-5; Hasan Mahmud al-Shafe’i, “Hakikat Ilmu Kalam: definisi, matlamat, metode, topik perbincangan dan kedudukannya dalam ilmu-ilmu Islam.” terj. Wan Suhaimi Wan Abdullah. *Afkar* 04(Mei) (2004): 1-24.

<sup>84</sup> Wan Haslan Khairuddin, “Tema dan metode kritikan Rahmatullāh al-Kayrānawī terhadap Bible berdasarkan kitab Izhār al-Ḥaq” (Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2018), 90-107; Wan Haslan Khairuddin, Indriaty Ismail & Abdull Rahman

kategori ini boleh dilihat menerusi khazanah tinggalan imam ASWJ iaitu Abū al-Hassan al-Ash‘arī (m.324H/935M). Pertama, karyanya *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhilāf al-Muṣallīyyīn*<sup>85</sup> khusus mewacanakan kepercayaan antara penganut agama. Kedua, kitab *Maqālāt ghayr al-Islāmiyyīn*<sup>86</sup> mewacanakan kepercayaan antara agama-agama. Ketiga, *Jumal al-Maqālāt*<sup>87</sup> adalah wacana terhadap kedua-dua kategori kepercayaan.

*Al-Milal wa al-Nihāl*<sup>88</sup> karya al-Shahrastānī (m.549H) merupakan contoh karya lain tokoh besar ilmuwan ASWJ yang mewacanakan kedua-dua kategori kepercayaan. Al-Shahrastānī membahagikan *Arbāb al-Diyānāt wa al-Milal* (kelompok agama-agama) sebagai wacana kepercayaan antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dan *Ahl al-Ahwā’ wa al-Nihāl* (kelompok ideologi-ideologi) sebagai wacana antara agama-agama (*interreligions*) serta kepercayaan-kepercayaan lain. Resam ilmuwan ASWJ di atas menjelaskan hubungan pemahaman antara pelbagai pemikiran tidak boleh dipisahkan kerana skop perbezaan atau persamaannya masih dalam lingkungan sama ada aspek ontologi, epistemologi, *axiology* (i.i. falsafah kebaikan atau nilai), teologi, metodologi. Individu yang berkecimpung dalam dialog, diskusi dan debat antara kepercayaan atau agama mesti mempunyai pendedahan dengan Ilmu Kalam bersama ilmu-ilmu di dalam disiplin Pengajian Usuluddin. Pengabaian disiplin berkaitan boleh mengakibatkan kecelaruan serta kepincangan. Buktinya, wujud dakwaan individu yang

---

Mahmood, “Ilmu kajian agama-agama dalam tradisi Islam,” *Akademika* 90.2 (2020), 140-146.

<sup>85</sup> Abū al-Hassan ‘Alī bin Ismā‘īl al-Ash‘arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhilāf al-Muṣallīyyīn*, ed. Muḥammad Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd, (Bayrūt: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 1999), 1 & 2.

<sup>86</sup> Karya ini dinyatakan kewujudannya: Ibn Taymiyyah, Ahmad bin ‘Abd al-Halīm bin ‘Abd al-Salām, *Dar’ al-Ta‘rūd al-‘Aql wa al-Naql aw Muqāfaqah Ṣahīh al-Manqūl li Ṣarīḥ al-Maqūl* ed. Al-Sayyid Muhammad al-Sayyid & Sayyid Ibrāhīm Ṣādiq (Al-Qāhirah: Dar al-Hadīth, 2006), 1: 191.

<sup>87</sup> Karya ini dinyatakan kewujudannya: Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Hassan bin Hibbah Allāh al-Dimashqī. *Tabyīn Kazb al-Muftari fīmā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Hassan al-Ash‘arī*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azharīyyah li al-Turāth, 2014), 107.

<sup>88</sup> Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *Al-Milal wa al-Nihāl*. Ahmād Fahmī Muḥammad (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992).

dianggap tokoh ‘Perbandingan Agama’ bahawa nama ‘Vishnu’ dan ‘Brahma’ boleh dirujuk Allah *Jallā wa ‘Alā* (Maha Agung dan Maha Tinggi) hanya kerana persamaan maksud dengan ‘al-Rabb’ dan ‘al-Khāliq’ (Zakir Naik t.th. & 2013).

Signifikan kaitan antara teologi, agama, kepercayaan dan ideologi apabila Rasulullah SAW mengumpamakan setiap kelompok sesat dari kalangan umat Islam dengan kelompok sesat agama terdahulu seperti Majusi, Yahudi dan Kristian.<sup>89</sup> Al-Qadariyyah diumpamakan dengan Majusi kerana berkongsi asas dualisme, al-Mushabbihah seperti Yahudi kerana menyifatkan Tuhan dengan sifat-sifat manusia dan al-Rāfiḍah persis fahaman Nasrani kerana menyifatkan manusia dengan sifat-sifat Tuhan.

Ilmu Kalam adalah piawaian terhadap isu-isu yang diwacanakan dalam kedua-dua kategorinya. Ianya semulia ilmu kerana mengandungi hujah-hujah keimanan dengan dalil-dalil akliah serta naqliah. Peranannya besar dalam mempertahankan agama berhadapan dengan musuh-musuh Islam terdahulu bahkan perantaraan mithali (i.i. kaedah yang tidak pernah digunakan) dalam memberi jawapan balas terhadap musuh-musuh Islam.<sup>90</sup> Mulia Ilmu Kalam kerana terkait dengan zat Allah *Jalla wa ‘Alā*, zat para rasul-Nya dan perkara-perkara yang mengiringi kedua-Nya (i.i. *al-Sam‘iyāt*, *al-Ghaybiyyāt*).<sup>91</sup> Penamaan *al-Fiqh al-Akbar* menjelaskan keutamaan Ilmu Kalam berbanding ilmu lain. Pengetahuan berkaitan cabang dan pengamalan (*far‘iyyah wa ‘amaliyyah*) dikenali dengan *al-Fiqh* atau Ilmu Fiqah. Manakala pengetahuan berkaitan tunjang dan kepercayaan (*aṣlīyyah wa i’tiqādiyyah*) dinamakan dengan *al-Fiqh al-Akbar*.<sup>92</sup> Ilmu Kalam wajib dipelajari kerana ianya berkeupayaan mensabitkan akidah dan menolak

<sup>89</sup> Lihat: al-Shahrastānī, *Al-Milal wa al-Nihāl*, hlm. 10.

<sup>90</sup> Ahmad Al-Mahdī, *Sharḥ al-Mawāqifī ‘Ilm al-Kalām: Al-Mawqif al-Khāmis fī al-Ilāhiyyāt* (Hadā’iq al-Qubbah: t.tp., 1976), 3-4.

<sup>91</sup> Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Muḥammad al-Bayjūrī, 2014M/1435H. *Hāshiyah al-Imām al-Bayjūrī ‘alā Jawharah al-Tawhīd al-Musammā Tuḥfah al-Murīd ‘alā Jawharah al-Tawhīd*, ed. ‘Ali Jumu‘ah (Al-Qāhirah: Dār al-Salām, 2014), 39.

<sup>92</sup> Al-Taftazānī, *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasāfiyyah*, 9-10; al-Taftazānī, *Sharḥ al-Maqāṣid*, 1: 164.

sebarang keraguan.<sup>93</sup> Fardu ain ke atas setiap mukalaf lelaki atau perempuan mempelajarinya secara *ijmāl* (ringkas) dan mempelajarinya secara *tafsil* (huraian atau satu persatu) adalah fardu kifayah (i.i. tuntutan bersama bagi orang Islam yang apabila dilaksanakan oleh seseorang antara mereka maka yang lain bebas daripada tanggungjawab tersebut).

Kedudukan pentingnya Ilmu Kalam terutama dalam bidang kajian agama, pemikiran dan ideologi jelas signifikannya melalui saranan Abū al-Ḥassan al-Ash‘arī (m.324H) melalui karyanya *Risālah Istihsān al-Khawd fī ‘Ilm al-Kalām*<sup>94</sup> selain karya lainnya.<sup>95</sup> Melalui literatur karya-karya tokoh ilmuwan ASWJ dalam tema *al-Firaq al-Islāmiyyah* seperti karya al-Malṭī (m.377H),<sup>96</sup> al-Baghdādī (m.429H),<sup>97</sup> al-Isfarāyīnī (m.471H)<sup>98</sup> dan al-Shahrastānī (m.549H)<sup>99</sup> dan al-Rāzī (m.606H)<sup>100</sup> atau karya-karya dalam tema umum Ilmu Kalam seperti

<sup>93</sup> ‘Āmūh, *al-Jawāb al-Tām ‘an Ḥukm Ta‘allum ‘Ilm al-Kalām*, hlm. 8; al-Bayjūrī, *Tuhfah al-Murīd ‘alā Jawharah al-Tawḥīd*, hlm. 40.

<sup>94</sup> Abū al-Ḥassan Al-Ash‘arī, *Risālah Istihsān al-Khawd fī ‘Ilm al-Kalām*, ed. Muḥammad al-Waliyy al-Ash‘arī al-Qādirī al-Rifā‘ī (Bayrūt: Dār al-Mashārī li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1995); Mohd Radhi Ibrahim & Rawiyah Mohd Junoh, *Risālah fī al-istihsān al-khawd fī ‘ilm al-Kalām* karangan Imām al-‘Ash‘arī: terjemahan teks. *Afkār* 04(Mei) (2003), 1-28.

<sup>95</sup> Karya-karya: *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhilāf al-Muṣallīyyīn*, *Maqālāt ghayr al-Islāmiyyīn* dan *Jumal al-Maqālāt*.

<sup>96</sup> Lihat: Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Rahmān al-Malṭī, *Al-Tanbīh wa al-Radd ‘alā Ahl al-Ahwā’ wa al-Bida‘*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2007).

<sup>97</sup> Lihat: ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir bin Muḥammad al-Baghdādī, *Al-Farq bayn al-Firaq*, ed. Ibrāhim Ramaḍān (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah; al-Baghdādī, 2001); ‘Abd al-Qāhir bin Tāhir bin Muḥammad. *Usul al-Dīn*, ed. Ahmad Sham al-Dīn (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2002).

<sup>98</sup> Lihat: Abū al-Muzaffar Shāhfūr bin Tāhir bin Muḥammad al-Shāfi‘ī al-Isfarāyīnī, *Al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqaḥ al-Nājiyah ‘an al-Firaq al-Hālikīn*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī (Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 2010).

<sup>99</sup> Lihat: Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Shahrastānī, *Al-Milal wa al-Nihāl*, ed. Aḥmad Fahmī Muḥammad (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1992).

<sup>100</sup> Lihat: Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn al-Rāzī, *Al-Riyād al-Mūniqah fī Arā’ Ahl al-‘Ilm*, ed. As‘ad Jum‘ah (Al-Qayrawān: Kulliyyah al-Ādāb wa al-‘Ulūm al-Insāniyyah & Markaz al-Nashr al-Jāmi‘ī, 2004)

karya al-Bayḍawī (m.685H),<sup>101</sup> al-Asfahānī (m.749H),<sup>102</sup> al-Ījī (m.756H),<sup>103</sup> al-Taftāzānī (m.793H),<sup>104</sup> al-Jurjānī (m.816H)<sup>105</sup> dan al-Dawwānī (m.918H)<sup>106</sup> serta himpunan karya-karya lainnya yang boleh dirujuk ‘Ali Jumu‘ah,<sup>107</sup> Khālid Zahrī<sup>108</sup> dan ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-‘Azīz al-‘Izzi<sup>109</sup> maka kerangka kajian ajaran sesat menurut ASWJ dapat dirumuskan. Kerangka kajian teologi, agama, pemikiran dan ideologi khususnya kajian ajaran sesat menurut ASWJ berdasarkan literatur serta perbincangan topik dan sub topik artikel ini iaitu Islam sebagai agama tauhid, kedudukan serta peranan Ilmu Kalam, pemikiran ASWJ dan isu-isu ajaran sesat menatijahkan rumusan seperti Rajah III.

<sup>101</sup> Lihat: ‘Abd Allāh bin ‘Umar Al-Bayḍawī, *Tawāli ‘al-Anwār min Maṭāli ‘al-Anzār*, ed. ‘Abbās Sulaymān (Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth, 1991).

<sup>102</sup> Lihat: Sham al-Dīn bin Maḥmūd al-Asfahānī, ‘al-Anzār ‘ala Matn Tawāli ‘al-Anwār wa Hāshiyah al-Sayyid al-Sharīf ‘Ali bin Muḥammad al-Jurjānī (Al-Qāhirah: Dār al-Kutubī, 2008).

<sup>103</sup> Lihat: ‘Id̄ al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Aḥmad Al-Ījī, *Al-Mawāqif fī I�m al-Kalām* (Bayrūt: ‘Ālam al-Kutub, t.t).

<sup>104</sup> Lihat: Sa‘d al-Dīn Ma‘ūd bin ‘Umar bin ‘Abd Allāh al-Taftāzānī, *Sharḥ al-Maqāṣid*. ‘Abd al-Rahmān ‘Umayrah (Bayrūt: ‘Ālam al-Kutub, 1998), 1-5.


<sup>105</sup> Lihat: Al-Sayyid al-Sharīf ‘Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, 1998. *Sharḥ al-Mawaqif wa ma‘ahu Hāshiyatā al-Sayālakūtī wa al-Halabī*, ed. Maḥmūd ‘Umar al-Dimyātī (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1998), 1-8.

<sup>106</sup> Lihat: Jalāl al-Dīn al-Dawwānī, *Ta’rīf ‘Ilm al-Kalām*, ed. Nizār Hammādī (Tūnis: Dār al-Imām Ibn ‘Arafah, 2017).

<sup>107</sup> Lihat: ‘Ali Jumu‘ah, *Al-Kutub al-Mukawwinah li al-Fikr al-Islamī (Al-Sunnī)*. (‘Ammān: Al-Markaz al-Malakī li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah (MABDA), 2014); ‘Ali Jumu‘ah, *Al-Kutub al-Mukawwinah li al-Fikr al-Islamī al-Sunnī* (Al-Qāhirah: Dār al-Šāliḥ, 2017).

<sup>108</sup> Lihat: Khālid Zahrī. *Al-Maṣādir al-Maghribiyah li al-‘Aqīdah al-Ash‘ariyyah* (Al-Maghrib: Markaz Abī al-Ḥassan al-‘Asharī li al-Dirāsāt wa al-Buhūth al-‘Aqdiyyah, 2017).

<sup>109</sup> Lihat: ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allāh al-‘Izzi, *Al-Maṣādir al-Asliyyah al-Maṭbu‘ah li al-‘Aqīdah al-Ash‘ariyyah* (Bayrūt: Markaz Namā’ li al-Buhūth wa al-Dirāsāt, 2018).



Rajah III Kerangka kajian teologi, agama, pemikiran dan ideologi menurut Ahli Sunah Waljamaah

## KESIMPULAN

Tugasan mengajak manusia kepada tauhid iaitu mengesakan Allah SWT adalah misi seluruh para Nabi serta Rasul yang diwarisi oleh para ulama zaman berzaman. Jenis-jenis penyelewengan, kesesatan dan kekufturan berterusan berlaku ibarat barah yang mengakibatkan kerosakan pada aspek kepercayaan, pengamalan dan kerohanian seseorang Muslim. Para ulama khususnya ahli kalam memainkan peranan dengan perbahasan, perdebatan dan penulisan berkaitan isu-isu kesesatan yang menyalahi ajaran Ahli Sunah Waljamaah. Dewasa kini perbincangan serta perbahasan berkaitan ajaran sesat dibicarakan umum tanpa dapat dikenal pasti atau diketahui kelayakan individunya.

Kajian ajaran sesat yang berorientasikan ASWJ memerlukan kepada kerangka yang jelas sebagai panduan dalam perbincangan serta perbahasan terhadap isu-isu berkaitan. Orientasi pemikiran al-Ashā'irah dan al-Māturidiyyah yang mewakili ASWJ adalah pemikiran *wasatiyyah* yang tidak mudah mengkafirkkan kaum Muslimin kecuali apabila melampaui batasnya. Dalam mempertahankan kesucian agama Islam, para ulama ASWJ menjadikan Ilmu Kalam sebagai mekanisme sesuai dengan matlamatnya iaitu pengukuhan perkara-perkara akidah dengan hujah-hujah yang diyakini dan penolakan terhadap sebarang keraguan. Ilmu Kalam dengan dua subwacananya iaitu diskusi antara penganut agama (*intrareligion* atau intra-Islam) dan diskusi antara agama-agama (*interreligions*) tidak boleh dipinggirkan apa lagi diabaikan kerana boleh menatijahkan kekeliruan dan kecelaruan.

Kajian ajaran sesat adalah bidang genting, runcing dan penting yang memerlukan individu berkeahlian dalam bidang-bidangnya sama ada Akidah, Fiqah dan Tasawuf. Tidak sewajarnya individu yang menolak pegangan dominan majoriti ASWJ iaitu al-Ashā'irah serta al-Maturidiyyah, tidak beramal dengan fiqh yang empat dan menolak pengamalan tasawuf serta tarekat menilai isu-isu berkaitan. Lapan kelompok ASWJ sebagaimana catatan al-Baghdādī dalam *al-Farq bayn al-Firaq* adalah panduan yang menjelaskan bahawa setiap bahagian tersebut mempunyai tokoh serta ahlinya. Rumusannya, Ilmu Kalam berorientasikan ASWJ (al-Ashā'irah serta al-Maturidiyyah) dengan panduan akal serta wahyu atau empat sumber perundangan Islam yang disepakati iaitu al-Quran, Sunah, Ijmak dan Qiyās berperanan menjaga kesucian akidah Islam daripada sebarang kecelaruan, kesesatan atau kekufuruan. Pengaplikasian ajaran tauhid menurut ASWJ meliputi aspek kepercayaan, pengamalan dan kerohanian yang mana disiplin ilmu yang berkaitan dengannya adalah Akidah, Fiqah dan Tasawuf.

## RUJUKAN

- ‘Āmūh, Muḥammad Aḥmad Muḥammad, *Al-Jawāb al-Tām ‘an Ḥukm Ta ‘allum ‘Ilm al-Kalām*. Al-Ḥidayah: Al-Hay’ah al-‘Ilmiyyah bi Ribāṭ Abī Bakr al-Ṣiddīq li al-‘Ulūm al-Shar‘iyyah, t.t.  
Abdul Hamid Ahmad, *Kenapa Masih Sesat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2001.

- Abdul Hamid@Yusoff Yunus, *Asas Rujukan Dalam Bidang Akidah Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2010.
- Abdul Hamid@Yusoff Yunus, *Penjelasan Terhadap 58 Ciri Ajaran Sesat Di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2006.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, Abdul Hayei Abdul Shukor, Mohd. Kamil Abd. Majid & Musa Fathullah Harun, *Tasawuf: Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2004.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat: Gerakan Sulit Wujudiah Batiniyah di Malaysia*, ed. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, *Allah Antara Tasauf dengan Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008.
- Abdulfatah Haron Ibrahim, *Martabat Tujuh*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1998.
- Abū Dā'ūd, Sulaymān bin al-Ash 'ath bin Ishāq al-Azdī al-Sajistānī, *Sunan Abī Dā'ūd*. Al-Riyād: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī', 1999.
- Al-'Izzi, 'Abd Allāh bin 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allāh, *Al-Maṣādir al-Asliyyah al-Matbu'ah li al-'Aqīdah al-Ash'ariyyah*. Bayrūt: Markaz Namā' li al-Buhūth wa al-Dirāsāt. 2018.
- Al-Asfahānī, Sham al-Dīn bin Maḥmūd. *Maṭāli‘ al-Anzār ‘ala Matn Ṭawāli‘ al-Anwār wa Hāshiyyah al-Sayyid al-Sharīf 'Ali bin Muḥammad al-Jurjānī*, Al-Qāhirah: Dār al-Kutubī, 2008.
- Al-Ash'arī, Abū al-Ḥassan 'Alī bin Ismā'īl, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Ikhilāf al-Muṣallīyyīn*, Ed. Muḥammad Maḥy al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd. Bayrūt: Al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 1999.
- Al-Ash'arī, Abū al-Ḥassan. *Risālah Istihsān al-Khawḍ fī 'Ilm al-Kalām*, ed. Muḥammad al-Waliyy al-Ash'arī al-Qādirī al-Rifā'i. Bayrūt: Dār al-Mashāri‘ li al-Ṭaba‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 1995.
- Al-Baghdādī, 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad, *Al-Farq bayn al-Firaq*. Ibrāhim Ramadān (pnyt.). Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah. 2001.
- Al-Baghdādī, 'Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad, *Usul al-Dīn*, ed. Ahmad Sham al-Dīn. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. 2002.
- Al-Baghdadi, Abd al-Qahir bin Tahir bin Muhammad, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Satu Pengenalan*. Terj. Ibrahim Abu Bakar.

- Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). 1982.
- Al-Baghdādi, Abu-Manṣūr ‘Abd-al-Kāhir ibn Ṭāhir, *Moslem Schisms and Sects*. Terj. Seelye, Kate Chambers. New York: Ams Press Ins. 1966.
- Al-Baghdādi, Abu-Manṣūr ‘Abd-al-Kāhir ibn Ṭāhir, *Moslem Schisms and Sects Part II*. Terj. Halkin, Abraham S. Philadelphia: Porcupine Press Inc. 1978.
- Al-Bayḍawī, ‘Abd Allāh bin ‘Umar. *Tawālī‘ al-Anwār min Maṭālī‘ al-Anzār*, ed. ‘Abbās Sulaymān. Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth. 1991.
- Al-Bayjūrī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Muḥammad, *Hāshiyah al-Imām al-Bayjūrī ‘alā Jawharah al-Tawhīd al-Musammā Tuḥfah al-Murīd ‘alā Jawharah al-Tawhīd*, ed. ‘Ali Jumu‘ah. Al-Qāhirah: Dār al-Salām. 2014.
- Al-Būtī, Muḥammad Sa‘īd Ramadān, *Kubrā al-Yaqīniyyāt al-Kawniyyah: Wujūd al-Khāliq wa Wazīfah al-Makhlūq*. Dimashq: Dār al-Fikr. 1979.
- Al-Dawwānī, Jalāl al-Dīn, *Ta‘rīf ‘Ilm al-Kalām*, ed. Nizār Hammādī. Tūnis: Dār al-Imām Ibn ‘Arafah. 2017.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad, *Al-Iqtisād fī al-I‘tiqād*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1988.
- Al-Ghāzalī, Muḥammad bin Muḥammad, *Al-Munqidh min al-Dalāl wa al-Mufsiḥ bi al-Ahwāl*. Bayrūt: Dār al-Minhāj. 2015.
- Al-Ghāzalī, Muḥammad bin Muḥammad, *Faḍā‘ih al-Bātīniyyah*, ed. ‘Abd al-Rahmān Badawī. Al-Qāhirah: al-Dār al-Qawmiyyah li al-Tabā‘ah wa al-Nashr. 1964.
- Al-Haddād, ‘Abd Allāh bin ‘Alawī, *Dīwān al-Imām al-Haddād atau al-Durr al-Manzūm lidhawī al-‘Uqūl wa al-Fuhūm*. t.t.p.: t.p., t.t.
- Al-Hākim, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Naysābūrī. *Al-Mustadrak ‘alā al-Ṣahīhayn*. ‘Atā, Muṣṭafā ‘Abd al-Qādir (pnyt.). Jil. 1. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1987.
- Al-Ījī, ‘Idd al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Ahmād, *Al-Mawāqif fī Ilm al-Kalām*. Bayrūt: ‘Ālam al-Kutub. t.t.
- Al-Isfarāyīnī, Abū al-Muẓaffar Shāhfūr bin Ṭāhir bin Muḥammad al-Shāfi‘ī, *Al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyah ‘an al-Firaq al-Hālikīn*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī. Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth. 2010.

- Al-Jurjānī, al-Sayyid al-Sharīf ‘Alī bin Muḥammad, *Sharḥ al-Mawaqif wa ma ‘ahu Ḥāshiyatā al-Sayālakūtī wa al-Ḥalabī*, ed. Maḥmūd ‘Umar al-Dimyāṭī. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1998.
- Al-Kawtharī, Muḥammad Zāhid, “Iftirāq al-ummah ‘ala firaq.” dalam Al-Isfarāyīnī, Abū al-Muẓaffar. *Al-Tabṣīr fī al-Dīn wa Tamyīz al-Firqah al-Nājiyyah ‘an al-Firaq al-Hālikīn*. Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth. 2010.
- Al-Mahdī, Ahmad, *Sharḥ al-Mawāqif fī ‘Ilm al-Kalām: Al-Mawqif al-Khāmis fī al-Ilāhiyyāt*. Hadā’iq al-Qubbah: t.p. 1976.
- Al-Malṭī, Abū al-Ḥusayn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Abd al-Rahman, *Al-Tanbīh wa al-Radd ‘alā Ahl al-Ahwā’ wa al-Bida’*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī. Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth. 2007.
- Al-Mu’jam al-Asāsī al-‘Arabī*. t.tp.: Al-Munazzamah al-‘Arabiyyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm. 2003.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn, *Al-Riyāḍ al-Mūniqah fī Arā’ Ahl al-‘Ilm*, ed. As‘ad Jum‘ah. Al-Qayrawān: Kulliyyah al-Ādāb wa al-‘Ulūm al-Insāniyyah & Markaz al-Nashr al-Jāmi‘ī. 2004.
- Al-Rāzī, Fakhr al-Dīn Muḥammad bin ‘Umar bin al-Ḥusayn, *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī al-Mushtahir bi al-Tafsīr al-Kabīr wa Mafātiḥ al-Ghayb*. Bayrūt: Dār al-Fikr li al-Tabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’. 1981.
- Al-Sanūsī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf, *Rasā’il al-Imām Abī ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī fī ‘Ilm al-‘Aqīdah ‘alā Manhaj al-Asha‘irah*, ed. ‘Abd al-Karīm Qabūl. Al-Maghrib: Dār al-Rashād al-Ḥadīthah. 2013.
- Al-Shahrastānī, Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm, *Al-Milal wa al-Nihāyah*, ed. Aḥmad Fahmī Muḥammad. Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah. 1992.
- Al-Ṭabarī, Abū Ja‘far Muḥammad bin Jarīr bin Yazīd bin Kathīr, *Jāmi‘ al-Bayān ‘an Ta’wīl Ayy al-Qur’ān*, ed. Bashshār ‘Awāḍ Ma‘rūf & ‘Isām Fāris al-Ḥaristānī. Bayrūt: Mu’assasah al-Risālah. 1994.
- Al-Taftazānī, Sa‘d al-Dīn Ma‘ūd bin ‘Umar bin ‘Abd Allāh, *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafīyyah*, ed. Aḥmad Hijāzī al-Siqā. Al-Qāhirah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah. 1987.

- Al-Taftāzānī, Sa‘d al-Dīn Ma‘ūd bin ‘Umar bin ‘Abd Allāh, *Sharh al-Maqāṣid*, ed. ‘Abd al-Rahmān ‘Umayrah. Bayrūt: ‘Ālam al-Kutub. 1998.
- Al-Tarmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā, *Sunan al-Tarmidhī*, ed. Al-Atṭār, Ṣidqī Jamīl. Bayrūt: Dār al-Fikr. 2005.
- Al-Zabīdī, al-Sayyid Murtada, *Ittiḥāf al-Sādah al-Muttaqīn*, Bayrūt-Lubnān: Mu’assasah al-Tārikh al-‘Arabī. 1994M/1414H.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, *Ajaran Sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong*. Selangor: PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd. 2007.
- Farahwahida Mohd Yusof, *Al-Arqam & Ajaran Aurad Muhammadiyah: Satu Penilaian*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia, 2007.
- Farahwahida Mohd Yusof, *Aliran Kepercayaan: Sejarah dan Perkembangannya Di Malaysia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. 2007.
- Farahwahida Mohd Yusof, *Fatwa: Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat Di Malaysia*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. 2011.
- Farahwahida Mohd Yusof, *Penyelewengan Ajaran Qadiani*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia. 2008.
- Fawdah, Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf, *Buhūth fī ‘Ilm al-Kalām*. ‘Ammān: Dār al-Rāzī li al-Ṭabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’. 2004.
- Hasan Mahmud al-Shafe‘i, “Hakikat Ilmu Kalam: definisi, matlamat, metode, topik perbincangan dan kedudukannya dalam ilmu-ilmu Islam.” Terj. Wan Suhaimi Wan Abdullah. *Afkar* 04(Mei). 2004.
- Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Hassan bin Hibbah Allāh al-Dimashqī, *Tabyīn Kazb al-Muftarī fīmā Nusiba ilā al-Imām Abī al-Hassan al-Ash‘arī*, ed. Muḥammad Zāhid al-Kawtharī. Al-Qāhirah: Al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turāth. 2014.
- Ibn Kathīr, Al-Ḥāfiẓ ‘Imād al-Dīn Abī al-Fidā’ Ismā‘il bin ‘Umar al-Qurashī al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*. Bayrūt: Dār Ibn Ḥazm. 2000.
- Ibn Khaldūn, Waliyy al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Muḥammad, *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, ed. ‘Abd Allah Muḥammad al-Darwīsh. Dimashq: Dār Ya‘rab. 2004.

- Ibn Mājah, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yazīdal-Rab‘ī al-Qazwīnī., *Sunan Ibn Mājah*. Al-Riyād: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘. 1999.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm bin ‘Abd al-Salām, *Dar’ al-Ta’āruḍ al-‘Aql wa al-Naql aw Muqāfaqah Ṣaḥīḥ al-Manqūl li Ṣaṛīḥ al-Ma’qūl*, ed. Al-Sayyid Muḥammad al-Sayyid & Sayyid Ibrāhīm Ṣādiq. Al-Qāhirah: Dar al-Ḥadīth. 2006.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Penjelasan Ciri-ciri Utama Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2010.
- Jumu‘ah, ‘Ali, *Al-Kutub al-Mukawwinah li al-Fikr al-Islamī (Al-Sunnī)*. ‘Ammān: Al-Markaz al-Malakī li al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah (MABDA). 2014.
- Jumu‘ah, ‘Ali, *Al-Kutub al-Mukawwinah li al-Fikr al-Islamī al-Sunnī*. Al-Qāhirah: Dār al-Ṣāliḥ. 2017.
- Kamus Dewan*, Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007.
- Khālid Zahrī, *Al-Maṣādir al-Maghribiyyah li al-‘Aqīdah al-Ash‘ariyyah*. Al-Maghrib: Markaz Abī al-Hassan al-‘Asharī li al-Dirāsāt wa al-Buhūth al-‘Aqdiyyah. 2017.
- Mohamad Nidzam Abdul Kadir, *40 Ciri Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd. 2012.
- Mohd Radhi Ibrahim & Rawiyah Mohd Junoh. *Risālah fi al-istihsān al-khawḍ fī ilm al-Kalām* karangan Imām al-‘Ash‘arī: terjemahan teks. Afkar 04(Mei). 2003.
- Muhammad Ayman al-‘Akītī, Ahmad Faiz Hafizuddin Rosli & Muhammad Amir Ashraf Rosdin, *Shaykh ‘Abdu’llah Fahim: ‘Ulamā’ Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah dan Perjuangan Kebangsaan*. Kajang: Akademi Jawi Malaysia Sdn. Bhd. 2020.
- Muhammad Muktar bin Atarid, *Inilah Kitāb Uṣūl al-Dīn I’tiqād Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*. t.t.p.: Percetakan Nahdī. t.t.
- Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*. Al-Riyād: Dār al-Salām li al-Nashr wa al-Tawzī‘. 2000.
- Wan Haslan Khairuddin, “Abu al-Hassan al-Ash’ari mujaddid Ilmu Kalam” dalam *Prosiding Seminar Gerakan Islah dalam Dunia Islam: Pemikiran dan Pengaruh Abu al-Hassan al-Ash’ari dalam Masyarakat Melayu*, 2017.

- Wan Haslan Khairuddin, Indriaty Ismail & Abdull Rahman Mahmood. “Ilmu kajian agama-agama dalam tradisi Islam.” *Akademika* 90(2). 2020.
- Wan Haslan Khairuddin. “Tema dan metode kritikan Rahmatullāh al-Kayrānawī terhadap Bible berdasarkan kitab Izhār al-Haq.” Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia. 2018.
- Wan Mohd Azam Mohd Amin, *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). 2009.
- Zakir Naik. 2013. *Concept of God in Hinduism*. (atas talian) <https://www.youtube.com/watch?v=lT0Y2pw39fg> (17 Oktober 2017).
- Zakir Naik. t.th. *Concept of God in Hinduism*. (atas talian) [http://www.irfi.org/articles2/articles\\_3301\\_3350/concept%20of%20god%20in%20hinduismhtml.htm](http://www.irfi.org/articles2/articles_3301_3350/concept%20of%20god%20in%20hinduismhtml.htm) (17 Oktober 2017).